

01/IBUPEJABAT/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

Sindiket 'Phantom Travel' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh satu portal berita berkenaan sindiket 'Phantom Travel' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) sangat memandang serius terhadap isu yang dilaporkan.

Menerusi laporan yang dikeluarkan, AKPS telah mengambil tindakan dengan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan penglibatan pegawai bersekongkol dengan sindiket iaitu tidak merekod pergerakan pelawat yang masuk di pintu masuk negara mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan mengenakan kadar bayaran tertentu bagi mengelak dari dikesan oleh pihak majikan pelawat berkenaan.

Agensi ini sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam membuat penambahbaikan pemeriksaan pelawat di Pintu-pintu Masuk Negara terutama di KLIA. Dengan adanya penggunaan *autogate* sepenuhnya bagi pelepasan keluar, pembangunan NIISe dan penggunaan teknologi AI, AKPS percaya isu *counter setting*, *flying passport* dan *phantom travel* yang melibatkan pegawai dapat dikurangkan dan dihapuskan.

AKPS tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai yang melakukan pelanggaran integriti yang mencemarkan nama baik dan imej jabatan. Tindakan dan hukuman akan diambil berlandaskan peruntukan undang-undang sedia ada termasuk tindakan buang kerja jika pegawai yang melakukan kesalahan terbukti bersalah.

AKPS juga mengalu-alukan orang awam untuk melaporkan salah laku integriti Pegawai AKPS melalui e-mel aduan.integriti@mcba.gov.my atau hadir sendiri ke **Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia, Unit Integriti, Aras 5, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya**.

#TAMAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

24 JUN 2025